



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


24 MEI 2021

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **184 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **60,562 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 88 menjadikan jumlah kumulatif 58,798 orang. Seramai 1033 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 377 orang di hospital, 655 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara satu (1) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 50 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort berubah dari zon kuning ke zon jingga

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 10 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning lapan (8) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 Terdapat dua (2) kluster baharu direkodkan hari ini.

- i **Kluster Taman Deluxe di Penampang** melibatkan jangkitan dalam komuniti ketika sambutan aidilfitri. Kes indeks merupakan suri rumah, 68, dari Kg Bubul Batu 2, Semporna yang merentas daerah untuk meraikan sambutan aidilfitri bersama anak-anaknya di Taman Deluxe, Penampang pada 15 Mei 2021, sebelum dikesan positif RTK-Ag 100% pada 19 Mei 2021 hasil saringan bergejala. Setakat jam 12 tengah hari 24 Mei 2021, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini ialah 12 orang daripada 14 orang yang disaring. Berdasarkan siasatan awal, punca perebakkan berkemungkinan besar berlaku semasa sambutan hari raya di Kg Batu 2, Semporna pada 13 hingga 15 Mei 2021. Aktiviti siasatan masih diteruskan di lapangan untuk menyiasat punca jangkitan.
  - ii **Kluster Kg Padawan di Papar** mula dikesan pada 22 Mei 2021 di Klinik Kesihatan Inanam hasil saringan bergejala. Kes indeks ialah wanita, 50, dari Kg Dambai Inanam bersama tiga anaknya disahkan positif RTK-Ag. Susulan kes itu, enam (6) ahli keluarga kepada kes indeks dikesan positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 10 kes. Khuatir dengan risiko tersebut, 36 saringan RTK-Ag dilakukan di klinik swasta sebagai inisiatif oleh kontak serta ahli keluarga kepada kes indeks. Pejabat Kesihatan Daerah Papar juga telah menjalankan 113 ujian saringan RT PCR ke atas kontak rapat lain yang menghadiri majlis tersebut. Berdasarkan maklumat dan penelitian awal, jangkitan COVID-19 dipercayai menular semasa majlis pengebumian di Kg Padawan pada 17 Mei 2021. Majlis terbabit juga dihadiri keluarga terdekat dari beberapa daerah dengan kegagalan pematuhan SOP sepanjang tiga hari, termasuk aktiviti makan bersama serta berkumpul beramai-ramai pada sebelah malam.
- 6 Daripada 184 kes positif COVID-19, sebanyak 68 kes (37%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 23 kes (12.5%) saringan bergejala, 70 kes (38%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 23 kes (12.5%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,374 unit
  - Hospital 576 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,378 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.62%

**B KESERAGAMAN OPERASI RESTORAN/KEDAI/GERAI MAKAN**

Merujuk keputusan mengenai masa operasi Restoran/Kedai/Gerai Makan yang diumumkan pada 23 Mei 2021, masa operasi aktiviti tersebut diseragamkan sehingga jam 10.00 malam.

**C SOP SAMBUTAN HARI WESAK**

- 1 Jumlah kehadiran di rumah ibadat selain Islam dibenarkan hanya melibatkan Ketua Agama (Sami) dan hanya **1/3 kapasiti ruang** atau **50 orang** atau **yang mana lebih rendah**.
- 2 Tidak melibatkan kehadiran penganut.
- 3 Dibenarkan satu (1) jam sahaja untuk setiap sesi antara jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang.
- 4 Perarakan Kenderaan Berhias Buddha adalah **tidak dibenarkan**.
- 5 Aktiviti rentas negeri / daerah adalah **tidak dibenarkan**.
- 6 PDRM, RELA dan Pegawai-pegawai Perpaduan yang dilantik sebagai Pegawai Pemantau di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) akan melakukan pemantauan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

**D TAFSIRAN KATEGORI PELABUR DAN PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES) YANG LAYAK UNTUK MEMOHON PERTIMBANGAN PENGECUALIAN KUARANTIN BAGI KEMASUKAN KE SABAH**

- 1 Tafsiran kategori pelabur ialah pelabur yang memiliki jemputan rasmi daripada Kerajaan Negeri Sabah sahaja.
- 2 Tafsiran kategori perkhidmatan perlu (*essential services*) ialah pasukan keselamatan beruniform serta perkhidmatan kesihatan dan perubatan meliputi Kementerian Kesihatan Malaysia yang masuk bagi tujuan penugasan rasmi sahaja.
- 3 Hanya kategori-kategori seperti yang disenaraikan layak untuk memohon bagi pertimbangan pengecualian kuarantin dan hendaklah dirujuk melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana (COVID-19) Negeri Sabah.

**E PKPD DUA LOKALITI DI PUTATAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di dua (2) lokaliti di Putatan iaitu:
  - Taman Seri Ketiau
  - Taman Desa Seri Ketiau
- 2 Sehingga kini, KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh 1 minggu di lokaliti ini apabila sebanyak 21 kes positif direkodkan hasil daripada 282 ujian saringan yang dilaksanakan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Putatan, Sabah, iaitu Taman Seri Ketiau dan Taman Desa Seri Ketiau bermula dari 26 Mei 2021 hingga 8 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk mengawal pergerakan keluar masuk di lokaliti ini seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

- F PKPD LADANG FELDA GLOBAL VENTURES (FGV) KALABAカン SELATAN, KALABAカン**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Ladang FELDA Global Ventures (FGV) Kalabakan Selatan, Kalabakan.
  - 2 KKM melaporkan sebanyak 9 kes positif telah direkodkan hasil ujian saringan ke atas 47 orang di lokaliti tersebut.
  - 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang FELDA Global Ventures (FGV) Kalabakan Selatan, Kalabakan, bermula dari 26 Mei 2021 hingga 8 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
  - 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar

ke atas penduduk yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke kawasan lain.

## **G PKPD DI KAMPUNG SUNGAI IMAM, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Sungai Imam, Tawau.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh 1 minggu di lokaliti ini apabila sebanyak 17 kes positif direkodkan hasil daripada 57 ujian saringan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Imam, Tawau bermula dari 26 Mei 2021 hingga 8 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesahan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

## **H PENAMATAN PKPD FELDA UMAS, KALABAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Umas, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 25 Mei 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,782 ujian saringan dan 183 individu disahkan positif COVID-19.
- 3 Sehingga kini, tiada baki sampel menunggu keputusan dan kes positif terakhir yang dilaporkan adalah pada 22 Mei 2021 iaitu satu (1) kes.
- 4 KKM juga mengesahkan trend kes menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC manakala kontak rapat juga diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

- 5 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Felda Umas, Kalabakan, Sabah pada 25 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 56,721 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **471** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 51,911 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,075** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,209** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **688** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **14,705** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **2,894** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **510,227** (mysejahtera 448,083 : laman web 61,910 : talian vaksinasi 234) bersamaan 17.4%.

## J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **322,648** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 54 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 26,796 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 188 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 70 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Empat (4) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
  - Tujuh (7) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
  - 59 orang : Tiada penjarakan sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 112 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 269 lokasi melibatkan seramai 177 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 55 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu di daerah Sandakan dan Kota Kinabalu.
- 7 Sejumlah 49 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 202 hebahan di seluruh Sabah.

**L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Keningau	98%
7	Kota Belud	98%
8	Ranau	98%
9	Kinabatangan	98%
10	Sipitang	98%
11	Semporna	97.5%
12	Penampang	97.5%
13	Papar	97.5%
14	Tuaran	97.5%
15	Kunak	97.5%
16	Sandakan	97%
17	Lahad Datu	96.5%
18	Tawau	96%
19	Kota Kinabalu	96%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**